

## Kritikan Sosial Dalam Novel-novel Terpilih Karya Faisal Tehrani

Fauzi bin Hasan, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali & Madiawati binti  
Mamat@Mustaffa

Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

### Abstrak

Faisal Tehrani merupakan antara pengarang tanah air yang proaktif dan prolifik dalam berkarya. Beliau aktif dalam menghasilkan pelbagai genre sastera tetapi lebih menyerlah dalam genre novel. Sepanjang berkarya, pelbagai jenis novel yang dihasilkannya merangkumi novel-novel remaja dan kini berfokus kepada novel-novel dewasa dan serius, seiring dengan kemajuan dalam dunia kepengarangannya. Novel-novelnya semakin jelas menyuguhkan pemikiran, idealisme, falsafah, kritikan dan pengamatannya terhadap isu-isu kemasyarakatan dan kemanusiaan yang berlaku di persekitarannya. Di samping itu, novel-novel yang dihasilkan sering menunjukkan kelainan dan pembaharuan daripada pelbagai aspek pembinaan novel. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis kritikan-kritikan sosial yang diungkapkan dalam novel-novel terpilih karangan Faisal Tehrani. Sebanyak lima buah novel akan dianalisis, iaitu *Perempuan Politikus Melayu, Manikam Kalbu, Tunggu Teduh Dulu, Bahlut* dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?*. Kritikan sosial yang dianalisis ialah dari tiga aspek, iaitu sosioekonomi, sosial dan politik. Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang melibatkan pembacaan yang rapi dan pentafsiran sumber bertulis. Sehubungan itu, novel-novel tersebut akan dianalisis secara tekstual dan konstektual. Novel-novel yang dipilih akan dianalisis berdasarkan tujuan kajian yang ditetapkan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa, Faisal Tehrani menghasilkan novel-novelnya bukan untuk hiburan semata-mata, tetapi untuk menyuarakan kritikan, perasaan dan pandangan terhadap permasalahan-permasalahan sosial berdasarkan perspektifnya sebagai penulis.

Kata kunci: Prolifik, pemikiran, idealisme, falsafah, tekstual dan konstektual.

### 1. Pendahuluan

Kesusasteraan Melayu atau bangsa mana-mana pun di dunia ini yang dihasilkan oleh pengarang atau penulis mempunyai tujuan dan menjadi imej masyarakatnya kerana memaparkan kepelbagaian kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Karya yang dihasilkan bukan semata-mata satu deskripsi tentang apa yang dilihatnya, tetapi terselit pemikiran, citacita, nilai dan perasaan pengarang itu sendiri (Sohaimi Abdul Aziz, 2011). Justeru seseorang pengarang itu bukan sekadar bermain-main dengan dunia imaginasi semata-mata tetapi memberi makna dan memaknayannya dengan dunia realiti (Azhar Hj Wahid dan Zawawi Jahya, 2012). Apabila meneliti novel-novel Faisal Tehrani memang bersumberkan persekitaran menjadi idea, subjek, pemikiran dan persoalan-persoalan dalam penulisannya. Unsur dan sumber yang paling jelas dijadikan bahan penulisan ialah masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat dan negara amnya. Menurut Talib Samat (2010), isu sosial bermaksud sesuatu persoalan besar yang berlaku dalam masyarakat pada era tertentu yang menjadi fokus perbincangan masyarakat dan mempengaruhi pemerintah dalam menentukan dasarnya untuk mengatasi isu tersebut. Sementara kesedaran sosial pula dikaitkan dengan satu kesedaran pengarang untuk mencetuskan kesedaran dalam jiwa pembaca tentang pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat semasa seperti kemiskinan, masalah golongan tidak bertanah yang tinggal di luar bandar yang sangat memerlukan tanah untuk membebaskan diri daripada gejala

kemiskinan, penderitaan hidup dan sebagainya. Dalam berkarya, pengarang menulis dengan menggunakan bahannya sendiri sebagai bahan dasar (Harun Mat Piah, 1994). Lantaran itu seseorang pengarang cuba memperlihatkan karya-karya itu merupakan kesedaran kelompok di mana pengarangnya berada sebagai salah seorang daripada anggota sosial dalam kelompok sosialnya (Goldman, 1980).

Kertas kerja ini akan menganalisis kritikan sosial yang diungkapkan dalam novel-novel terpilih berdasarkan pemikiran Faisal Tehrani. Novel-novel yang akan ditelusuri ialah *Perempuan Politikus Melayu (PPM)*, *Manikam Kalbu*, *Tunggu Teduh Dulu (TTD)*, *Bahlut* dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit? (BANKL?)*. Karya-karya tersebut dikaji dari aspek kritikan sosial bagi memperlihatkan ruang lingkup sosio masyarakat, sosio politik dan sosio ekonomi yang diketengahkan dalam novel-novel kajian. Hasil daripada pembacaan yang dilakukan mendapat, terdapat pelbagai kritikan sosial yang disampaikan secara langsung dan tidak langsung melalui watak, dialog, peristiwa dan teknik naratif pengarang.

## 2. Metodologi Kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain (Strauss & Corbin, 1998). Selain itu, Patton (1978) menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai ‘verstehen’ atau pemahaman yang simpatik dan mendalam. Pendekatan ‘verstehen’ adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritis kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerical. Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor 1975). Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena secara mendalam (Johnson 1995). Oleh itu, penyelidikan kualitatif ialah suatu kajian interpretif mengenai suatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menumpukan makna yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et al. 1994).

Dalam kajian ini pengkaji akan melakukan secara kualitatif kerana melibatkan fenomena dalam teks yang melibatkan pengarang dan kisah-pemikiran dalam teks.

## 3. Analisis Kritikan Sosial Dalam Novel-novel Terpilih

Kritikan sosial yang dibincangkan dalam kajian ini merujuk kepada yang berpengaruh, berterusan dan diperkatakan dalam pelbagai media. Lazimnya isu semasa yang diperkatakan dalam media massa merupakan permasalahan sosial besar yang berlaku dalam masyarakat, negara dan kepada pemerintah. Sehubungan itu, analisis kritikan sosial akan meneliti tiga aspek kritikan sosial yang utama, iaitu kritikan sosio masyarakat, sosio politik dan sosio ekonomi.

### 3.1 Kritikan Aspek Sosio Ekonomi

Novel-novel Faisal Tehrani memang jelas mengutarakan pemikiran sosioekonomi. Aspek yang kerap ditampilkan ialah pemikiran mengenai kemiskinan. Kemiskinan merupakan fenomena sosial yang berterusan berlaku dalam negara kita. Kemiskinan ini bukan lagi dikaitkan dengan masyarakat di luar bandar tetapi melibatkan masyarakat bandar. Kemiskinan ini diungkapkan dengan ketara dalam novel *PPM*, *TTD*, *Bahlut* dan *BANKL?*. Dalam *PPM* memaparkan kemiskinan dialami oleh penduduk kampung Jenyatu. Keadaan hidup mereka yang serba kekurangan ini diperlihatkan melalui watak Haji Chenon, Mak Leha dan Jora. Kehidupan mereka bergantung kepada bersawah padi yang menjadi sumber pendapatan utama. Oleh itu, kehidupan mereka terjejas apabila tanah-tanah sawah mereka diambil untuk menjayakan projek pembangunan yang dirancang oleh Datuk Zuri. Sama ada suka atau enggan, penduduk kampung Jenyatu terpaksa menyerahkan tanah-tanah mereka kepada syarikat pemaju yang telah dilantik oleh Datuk Zuri. Hakikatnya, beliau ingin mengkritik sikap pemimpin melalui watak Datuk Zuri yang lebih mementingkan kuasa, kekayaan dan pengaruh daripada

membela nasib masyarakat yang memilihnya sebagai wakil mereka.

Jika dalam *PMM*, *Manikam Kalbu* dan *TTD* mengetengahkan kemiskinan masyarakat Melayu, novel *Bahlut* dan *BANKL?* pula mengangkat isu kemiskinan yang masih berlaku dalam masyarakat orang asli dan peribumi. Dua buah novel ini menggambarkan rasa simpati dengan nasib yang berlaku dalam masyarakat natiif atau minoriti. Beliau mahu menyedarkan pihak-pihak tertentu mengenai penderitaan masih wujud dalam masyarakat sedangkan negara berada pada landasan untuk menjadi negara maju menjelang 2020. Beliau mendapati, masyarakat peribumi dan orang asli seolah-olah terus diabaikan kerana kehidupan mereka masih ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding dengan masyarakat lain. Melalui novel *Bahlut*, beliau mengetengahkan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat orang asli Suku Temiar. Kemiskinan ini digambarkan watak Bahlut dan penduduk di kampungnya. Mereka digambarkan masih belum menerima kemudahan elektrik, air bersih, jalan raya, pusat kesihatan dan menjalankan pekerjaan tradisi. Oleh sebab itu, kedudukan yang terpencil menyebabkan mereka mudah ditindas, dianiai dan dieksplorasi oleh pihak-pihak tertentu yang ingin mengaut keuntungan dengan membolot sumber ekonomi di kawasan penempatan mereka.

Kritikan terhadap kemiskinan masyarakat luar bandar dilanjutkan dalam novel *BANKL?*. Novel ini mengetengahkan penderitaan dan kesengsaraan yang menimpa masyarakat suku kaum Penan akibat penerokaan hutan di kawasan penempatan mereka. Kawasan hutan yang sekian lama menjadi sumber pendapatan telah diteroka bagi menjayakan projek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan negari Sarawak. Kesan daripada penerokaan hutan, menyebabkan masyarakat peribumi di Sarawak bukan sahaja kehilangan sumber pencarian, tetapi telah terdedah kepada pelbagai ancaman dari aspek kesihatan dan keselamatan. Keadaan ini berlaku disebabkan akibat pencemaran air, kemasukan kenderaan untuk membawa kayu balak dan kemasukan pekerja asing sebagai pembalak di kawasan penempatan mereka. Beliau secara terbuka mengkritik sikap pemimpin yang mementingkan pembangunan daripada membela nasib masyarakat peribumi.

Kesimpulannya, kemiskinan menjadi subjek kritikan dalam beberapa novel Faisal Tehrani. Kemiskinan yang diketengahkan adalah secara menyeluruh yang merangkumi masyarakat bandar dan luar bandar. Daripada analisis yang dilakukan, didapati aspek kemiskinan yang diketengahkan bukan sahaja tentang punca dan kesan kemiskinan itu sendiri, tetapi pada masa yang sama novel-novel ini turut mengkritik golongan pemerintah yang tidak menjalankan amanah yang diberikan dengan sebaliknya. Lantas kemiskinan dianggap sebagai masalah berterusan dalam negara dan masyarakat selagi pihak pihak yang diberi kuasa tidak berintegriti, bermoral dan berakhlik mulia dalam dirinya. Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil berat dengan pemimpin yang dilantik, dasar-dasar yang dirancang dan sebagainya supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu supaya tidak memberi kesan negatif kepada masyarakat dan negara.

### 3.2 Kritikan Aspek Sosio Masyarakat

Novel-novel kajian turut menyerlahkan aspek sosio masyarakat, iaitu masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat dan negara. Masalah sosial yang dimaksudkan ialah masalah keruntuhan moral dan akhlak, institusi kekeluargaan, pembangunan dan keagamaan. Bagi masalah keruntuhan moral yang diperkatakan ialah mengenai keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat di kota. Warga di kota tidak mengira belia dan golongan tua dilihat mudah terjebak dalam kencah keruntuhan moral disebabkan pelbagai faktor. Faktor-faktor tersebut ialah masalah dalam keluarga, diri sendiri, pengaruh rakan, tidak ada pegangan agama dan persekitaran. Keruntuhan moral ini diungkapkan dalam novel *PPM*, *SsPJ* dan *TTD*. Misalnya dalam novel *PPM*, keruntuhan moral yang diperkatakan berlaku dalam kalangan keluarga yang ternama atau golongan politik. Pengambilan keluarga Datuk Zuri dan Datin Engku Malini sebagai keluarga yang terlibat dalam masalah sosial memperlihatkan bahawa kekayaan bukan jaminan

kepada kewujudan kebahagiaan dalam sesebuah keluarga. Watak Gunjai seorang anak tunggal dalam keluarga Datuk Zuri dengan Datin E. Malini telah terjebak dalam kegiatan tidak bermoral dengan hidup bebas bersosial dengan mengambil minuman beralkohol, menjadi ‘gigolo’ dan berfoya-foya bersama rakan-rakannya. Sementara Datuk Zuri pula tidak melaksanakan tugas sebagai seorang bapa dan suami yang baik kerana beliau sendiri terlibat dalam kehidupan tidak bermoral. Datuk Zuri mempunyai perempuan simpanan bernama Jenny. Datuk Zuri lebih banyak menghabiskan masa, wang dan perhatian kepada Jenny berbanding dengan keluarganya. Keadaan ini menyebabkan Datin Malini hidup terseksa secara zahir dan batin kerana diabaikan oleh Datuk Zuri. Kesannya Datin Malini hampir melakukan perbuatan tidak bermoral atas dorongan Datin Barbara. Datin Malini telah memilih untuk mencari lelaki berperanan sebagai ‘gigolo’ untuk memuaskan batinnya kerana tidak dipenuhi oleh Datuk Zuri.

Demikian juga dalam novel *TTD* sekali lagi memperlihatkan keruntuhan moral dalam kalangan belia kota. Keruntuhan moral ini ditampilkan melalui watak Shahruzzaman dan Mimi. Watak Shahruzzaman sebagai symbol kepada keluarga yang berada telah mengamalkan gaya hidup bebas seperti gemar berfoya-foya, mengambil minuman beralkohol, mengambil dadah dan menghabiskan wang untuk bersosial. Shahruzzaman sanggup melakukan apa sahaja cara untuk mendapatkan wang bagi menikmati aktiviti sosialnya. Misalnya, Shahruzzaman telah menggugut dan mencabul kakaknya sendiri, iaitu Salsabila kerana enggan memberi wang kepadanya. Shahruzzaman berkelakuan negatif ini setelah kematian bapanya. Melalui watak Shahruzzaman ini, Faisal Tehrani ingin mengingatkan bahawa golongan warga kota akan mudah terjebak dalam pelbagai kegiatan tidak bermoral sekiranya ibu bapa atau keluarga tidak menitikberatkan tanggungjawab, perhatian, didikan agama dan sebagainya kepada anak-anak mereka.

Secara umumnya, pembangunan adalah untuk memperkaya kehidupan manusia. Sasarannya ialah memperdayakan manusai sebagai insan yang merdeka dalam mencapai taraf kehidupan yang lebih baik secara adil. Kejayaan pembangunan diukur daripada peningkatan peluang masyarakat untuk mempertahankan dan seterusnya meningkatkan mutu kehidupan, kemudahan, laluan untuk pencapaian peluang dan penguatan penyertaannya dalam semua program dan projek (Fashbir Noor Sidin dan Mohd. Razali Agus, 2000, p. 275). Pembangunan yang difokuskan dalam novel-novel Faisal Tehrani adalah pembangunan fizikal. Menerusi novel-novelnya juga membangkitkan mengenai isu pembangunan negara yang mendatangkan implikasi negatif kepada sebahagian masyarakat tertentu. Pada pemerhatian, beliau melihat pembangunan berlaku atau dilakukan secara tidak seimbang antara di bandar dan luar bandar. Masyarakat di luar bandar masih tidak menikmati pembangunan sebagaimana yang dinikmati oleh masyarakat di kota dan bandar. Kesannya, masyarakat di luar bandar teus ketinggalan dalam aspek menikmati kemudahan prasarana dan peluang-peluang tertentu. Oleh itu masyarakat luar bandar terus terbelakang. Dalam hal ini beliau mengkritik mengenai pembangunan bagi semua lapisan, iaitu masyarakat Melayu, orang asli dan perbumi.

Beliau tidak menentang pembangunan negara secara khususnya. Namun sebagai pengarang dan pemerhati beliau melihat dari aspek sebagai pengarang. Beliau melihat pembangunan negara telah mengancam kesejahteraan sebahagian masyarakat di luar bandar. Tidak dinafikan pembangunan yang dijalankan untuk rakyat tetapi pembangunan itu tidak bermakna jika mengorbankan kehidupan masyarakat. Hal ini sudah digambarkan dalam novel *PPM*, *TTD*, *Bahlut* dan *TTD*. Dalam novel-novel tersebut membangkitkan isu pembangunan negara menyebabkan masyarakat luar Bandar terpaksa atau dipaksa menyerahkan tanah mereka untuk menjayakan projek pembangunan negara seperti pembinaan lebuh raya, jalan raya, perumahan dan pembandaran. Beliau juga mengkritik pembentukan atau projek berkenaan dimonopoli oleh syarikat warga asing dan melibatkan ahli-ahli politik yang menggunakan kuasa untuk mengambil tanah-tanah dengan rakus serta mudah. Misalnya dalam novel *PPM*, projek pembangunan yang akan dijalankan di kawasan pilihan raya Datuk Zuri. Hal ini dapat dianalisis dalam petikan di bawah:

Kita tidak menentang pembangunan. Kita mahukan pembangunan. Kita mahu melibatkan diri dengan pembangunan tetapi pembangunan tidak pernah bertanya kepada kita apa yang kita mahu. Pembangunan angkuh dan mahu kita mendengar laungan darinya sahaja. Kita mesti seimbang dalam semua perkara. Tolak ansur juga sesuatu yang seimbang (*PPM*, 2000).

Begitu juga dalam novel *TTD, Bahlut dan BANKL?* membongkarkan isu pembangunan. Pembangunan telah menyebabkan masyarakat luar bandar kehilangan tanah. Masyarakat luar bandar sangat mementingkan tanah apatah lagi tanah pusaka. Tanah adalah nyawa atau maruah yang tidak boleh dijual beli dengan sewenang-wenangnya. Namun apakan daya, kuasa politik dapat mengambil tanah mereka dengan paksaan atau kekerasan. Misalnya, dalam *Bahlut dan BANKL?* memperkatakan mengenai pengambilan tanah adat yang dimiliki oleh masyarakat orang asli dan peribumi. Sementara itu dalam *BANKL?*, membuat kritikan terhadap penerokaan hutan di kawasan penempatan suku kaum peribumi di Sarawak. Pihak kerajaan telah melakukan penebangan hutan bagi menjayakan projek pembangunan negara, iaitu pembinaan lebuh raya dan jalan raya. Kesan daripada penebangan hutan ini menyebabkan kehidupan masyarakat kaum peribumi di Sarawak telah terjejas. Mereka digambarkan kehilangan sumber pencarian, keselamatan dan kesihatan pula telah terjejas.

Faisal Tehrani turut memperkatakan mengenai perkahwinan dalam novel-novelnya. Institusi perkahwinan dan kekeluargaan menjadi perhatian dan kerap diperkatakan dalam novel-novel kajian. Faisal Tehrani memperkatakan mengenai sikap atau *trend* dalam kalangan golongan belia untuk memilih pasangan bukan warga tempatan atau kahwin campur. Permasalahan ini ditonjolkan dalam novel *PPM*, *TTD* dan *Bahlut*. Dalam novel *PPM* diperlihatkan watak Kasmariza sanggup mengecewakan Irfan kerana memilih Michener seorang lelaki warga Papua New Guinea sebagai suaminya. Namun begitu, perkahwinannya tidak berkekalan disebabkan sikap suaminya yang masih enggan berubah kepada ajaran Islam. Setelah berlaku penceraian, Kasmariza menghadapi masalah untuk menuntut hak penjagaan anak-anak daripada bekas suami bagi mengelakkan anak-anaknya dibesarkan dalam bukan agama Islam.

Faisal Tehrani merupakan pengarang menerima pendidikan agama Islam secara formal dari peringkat rendah sehingga peringkat tertinggi. Secara disedari atau tidak, pasti menyuguhkan kritikan berkaitan dengan nilai atau unsur agama dalam novel-novelnya. Jika ditelusuri, beberapa novelnya sarat dengan nilai-nilai agama Islam menerusi novel *PPM*, *Manikam Kalbu* dan *Bahlut*. Beliau didapati bukan setakat mahu menyampaikan unsur-unsur dakwah tetapi ingin menyampaikan suara kritikan mengenai amalan dan pegangan terhadap ajaran Islam. Dalam beberapa novel, didapati beliau ingin mengemukakan sindiran mengenai sikap pemimpin atau masyarakat kini yang telah melupakan perjuangan golongan agama dalam mencapai kemerdekaan negara dan amalan mengenai tuntutan agama. Dalam novel *PPM*, diperlihatkan bagaimana seseorang individu itu akan mendekatkan diri kepada Tuhan atau Allah SWT apabila berada dalam kesulitan dan menghadapi musibah. Mereka dilihat tidak ikhlas untuk berubah tetapi hanya berpura-pura untuk mengaburi mata orang lain. Keadaan inilah digambarkan dalam novel *PPM* melalui watak Datuk Zuri. Watak Datuk Zuri digambarkan telah insaf dan berubah menjadi individu yang baik setelah perbuatan jahatnya terdedah lalu mengambil keputusan mengerjakan haji.

Beliau turut membicarakan secara sinis dan terbuka mengenai masalah kurang pengetahuan dan pegangan agama menyebabkan berlakunya konflik dalam rumah tangga. Sehubungan itu, akan berlaku suami yang curang terhadap isteri walaupun isteri begitu setia dan patuh kepada suami serta agama. Novel *PPM* memperlihatkan masalah keluarga yang dihadapi oleh Datuk Zuri. Walaupun Datuk Zuri seorang politikus yang hebat, disegani dan dihormati kawan serta lawan tetapi menghadapi masalah keluarga yang serius. Datuk Zuri digambarkan mengamalkan hidup yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Antara

perbuatan yang tidak bermoral dilakukan oleh Datuk Zuri ialah memiliki perempuan simpanan, mengamalkan rasuah, melakukan pembunuhan, penganiayaan dan sanggup melakukan sebarang cara untuk kekal berkuasa. Sebenarnya, Datuk Zuri sudah memiliki seorang isteri yang setia, patuh dan menyayanginya tetapi diabaikan secara zahir dan batin. Kesannya, Datin Malini turut terpengaruh untuk melakukan perbuatan yang dilarang kerana berasa dianiyai, membala dendam dan kecewa dengan sikap suaminya. Begitu juga dengan anaknya, Gunjai mengamalkan cara hidup bertentangan dengan ajaran agama. Watak Gunjai sebagai imej kepada anak-anak keluarga birokrat yang hidup dalam kemewahan tetapi kekurangan perhatian, kasih sayang dan agama daripada ibu bapanya. Tanpa pengetahuan Datuk Zuri dan ibunya, Gunjai hidup bebas dan terjebak dalam kegiatan seks bebas dan menjadi ‘gigolo’ kepada wanita-wanita yang kesunyian. Dalam novel ini, Faisal Tehrani seolah-olah ingin mengkritik masyarakat atau golongan birokrat yang sering terjebak dan melakukan amalan bertentangan dengan agama, arus pemodenan dan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu.

### 3.3 Kritikan Dalam Aspek Sosiolpolitik

Novel-novel kajian menonjolkan perihal kepimpinan dan politik, iaitu watak ahli politik yang menjadi pemimpin kepada masyarakatnya. Pemimpin yang dimaksudkan ialah orang yang memimpin sesuatu kumpulan individu atau masyarakat menuju kepada satu matlamat yang tertentu (Che Abdullah Che Ya, 2016). Kritikan terhadap pemimpin dapat ditemukan dalam novel *PPM*, *TTD*, *Bahlut* dan *BANKL?*. Misalnya dalam novel *PPM*, ditampilkan watak-watak ahli politik yang berperanan sebagai wakil rakyat, iaitu Datuk Zuri dan Tan Sri Yadi. Watak-watak ini digambarkan sebagai pemimpin parti dan wakil masyarakat yang mementingkan diri, kuasa, pengaruh dan sanggup melakukan sebarang cara demi mencapai cita-citanya. Menerusi novel ini, Faisal Tehrani memperlihatkan bagaimana seorang pemimpin atau ahli politik yang sanggup melakukan pelbagai cara untuk mengekalkan kuasa dan menjatuhkan saingen dalam arena politiknya. Keadaan ini diperlihatkan melalui watak Datuk Zuri dan Tan Sri Yadi yang sanggup melakukan pelbagai muslihat serta cara untuk mengukuhkan kuasa dan kedudukannya daripada digugat oleh pesaingnya. Bagi mencapai cita-citanya, Datuk Zuri telah melakukan pelbagai cara untuk terus berkuasa seperti mengamalkan rasuah, menggunakan saluran akbar dan menggunakan perempuan simpanannya, iaitu Jenny.

Sementara itu, dalam novel *TTD* pula memperlihatkan aspek yang sebaliknya. Dalam novel ini digambarkan seorang wakil rakyat yang tidak berupaya untuk menggunakan kuasa serta kedudukan bagi melindungi masyarakat di kawasan pilihan rayanya. Hal ini ditonjolkan melalui watak Datuk Ghaffar. Oleh sebab Datuk Ghaffar tidak mempunyai sikap yang bersungguh-sungguh untuk mempertahankan tanah-tanah penduduk kampung termasuk tanah milik Salsabila, pihak pemaju berjaya mengambil tanah-tanah tersebut untuk menjayakan projek pembangunan negara. Dalam *Bahlut* juga dipaparkan mengenai peranan pemimpin yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka dengan benar dan telus. Dalam novel ini juga digambarkan, pemimpin masyarakat orang asli sendiri yang tidak bertanggungjawab dengan bersekongkol melakukan penyelewengan kuasa untuk kepentingan diri. Hal ini disampaikan melalui watak Batin Endau yang mementingkan diri, daripada menunaikan tanggungjawab untuk membela masyarakatnya yang menerima kesan akibat kegiatan pembalakan.

Sementara itu dalam novel *BANKL?*, turut mengetengahkan peranan pemimpin dan ahli politik yang menyebabkan masyarakat peribumi mengalami masalah akibat pengambilan tanah-tanah untuk menjayakan pembangunan negeri yang telah dirancang. Pemimpin dilihat menggunakan kuasa autonomi dan peruntukan undang-undang yang menyebabkan masyarakat peribumi terpaksa menyerahkan tanah serta meneroka kawasan hutan yang menjadi sumber kehidupan mereka. Selain itu, beliau membuat kritikan terhadap sikap pemimpin yang mementingkan masyarakat luar atau negara luar daripada masyarakat sendiri. Kritikan terhadap sikap pemimpin yang bertindak sedemikian dapat dianalisis dalam petikan di bawah:

"Ya, bersedekah dan berperhatian untuk Gaza akan ke syurga. Penan? Mereka orang natif, pagan, dan tidak penting sama sekali. Mungkinkah Tuhan tidak akan bertanya apa yang tidak kita lakukan untuk menjuarai nasib mereka?" Profesor Anyss menyetujui keluh geram Mustaqim (*BANKL?*, hlm. 83).

Berdasarkan petikan di atas memperlihatkan rasa tidak puas hati Faisal Tehrani terhadap sikap pemimpin yang mengutamakan masyarakat luar dari masyarakat tempatan yang sebenarnya masih ramai memerlukan bantuan. Kritikan ini ditujukan kepada pemimpin yang begitu prihatin dengan masalah masyarakat lain kerana mempunyai agenda tertentu. Beliau secara berterus terang ingin menyedarkan masyarakat dan pemimpin supaya membantu masyarakat sendiri daripada masyarakat di luar negara.

#### 4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Faisal Tehrani menyampaikan pelbagai isu dan permasalahan masyarakat dari isu yang dianggap kecil sehingga yang utama dalam serangkaian novelnya. Segala isu masyarakat dan negara seperti isu ekonomi, politik, keagamaan dan ekonomi dikupas dengan baik serta berkesan dengan kreativiti tersendiri. Isu-isu yang dipilih atau digarap ini merupakan fakta dan idea daripada persekitaran, pengalaman, pembacaan, pengkajian dan media-media massa. Sehubungan itu, novel-novelnya sarat dengan idea, fakta dan pemikiran yang berat lantas mendorong pembaca berfikir tentang apa yang ingin disampaikan. Beliau melakukan kritikan terhadap permasalahan-permasalahan tersebut sebagai manifestasi terhadap pengalaman, perhatian dan media massa yang kerap memaparkan pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam semua lapisan masyarakat. Tidak dinafikann terdapat kritikan sosial yang sama atau hampir sama dalam novel-novelnya. Kritikan ini ada yang disampaikan secara terbuka, lantang dan berterus-terang dan ada yang secara tersirat. Keadaam ini membuktikan bahawa beliau seorang pengarang yang prihatin dan peka terhadap permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam masyarakat.

#### Rujukan:

- Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar teori & kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Selangor: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdullah Tahir. (1996). Melihat nilai politik dalam novel *Gelora Semusim dan Krisis*. Dlm. *Konsep nilai dalam kesusastraan Melayu*. Olh Siti Aisah Murad (Diselenggarakan oleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Darimi Mohd. Hussain. (1988). Masalah pembelajaran bahasa Malaysia di kalangan pelajar orang Asli: Satu kajian kes di Sekolah Menengah Sri Tapah, Tapah. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Aoh K. Hadimadja. (1981). *Aliran-aliran klasik, romantik dan realisme*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Azhar Haji Wahid. (2013) . *Ingin Jadi Pujangga: Tanggapan kritikan sosial kemasyarakatan*. Dlm. (2013). *Kritikan intelektualisme sastera Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- A. Wahab Ali. (2009). *Kesusasteraan Melayu dalam bandingan dan pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Banister, P., Burman, E., Parker I., Taylor, M & Tindall, S. (1994). *Qualitative methods in psychology: a research guide*. Buckingham: Open University Press.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. (1975). *Introduction to qualitative research methods*. New York: Wiley.
- Che Abdullah Che Ya. (2016). *Novel berunsur politik kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Kajian Bandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2000). *Perempuan Politikus Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan PEMUDA.

- Faisal Tehrani. (2005). *Surat-surat Perempuan Johor*. Johor Bharu: Percetakan Bumi Restu Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2007). *Manikam Kalbu*. Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2008). *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bahlut*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2016). *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?*. Bangi: Dubook.
- Jeniri Ahmad. (2012). Politik dam media dalam novel politik Shahnon Ahmad. Dlm. *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnon Ahmad*. Olh Muhammad Haji Salleh (Pengenalan oleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kundera, Milan. (2002). *Art of novel*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Mahayudin Haji Yahya. (2009). *Sejarah politik dan sosiobudaya masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall, C. & Rosmann, GB. (1989). *Designing Qualitative Research*. (1 st Ed.) Newbudy Park: Sage Publications.
- Muhd. Mansur Abdullah. (1996). Nilai kemiskinan dan kesederhanaan dalam novel-novel Shahnon. Dlm. *Konsep nilai dalam kesusasteraan Melayu*. Olh Siti Aisah Murad (Diselenggarakan oleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naapie Mat. (2004). *Pemikiran penyair Melayu*. Shah Alam: Karisme Publication Sdn Bhd.
- Patton, M.Q. (1978). *Utilization-focused evaluation*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Rahimah A. Hamid. (2017). *Proses kreatif: Sensitiviti dan kreativiti pengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaw, M.E. (1988). *Dinamik kelompok: Psikologi tingkah laku kelompok kecil*. Diterjemah oleh Wan Azmi Ramli. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. ED Ke-2. Thousand Oaks: Sage.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research scientists*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Talib Samat. (2010). *Isu-isu terpilih dalam nazrah perkembangan novel Melayu terkini*. Tanjong Malim: Penerbit Emeritus Publications.